



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 21 OGOS 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEDIKAH TANAM PADI LIMA KALI?, DALAM NEGERI, UM -35	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PPZ-MAIWP ANJUR PROGRAM PERTANIAN BANDAR, HULUR SUMBANGAN, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	BENIH ANAK IKAN JAMIN BEKALAN MAKANAN LAUT CUKUP, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	BOT TUNDA LANGGAR SYARAT LESEN DITAHAN, NEGERI PERAK, SH -28	
5.	BOT NELAYAN DIKENDALI WARGA ASING DITAHAN, DALAM NEGERI, UM -34	
6.	HOTEL TERNAKAN ROBOTIK PERTAMA ASIA SEDIA KE IPO, MUKA DEPAN, UM -1	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7.	PESAWAH KADA BAKAL DAPAT MANFAAT SSHP, LOKAL, HM -8	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
8.	LEBIH 7,000 PESAWAH KADA TARIK NAFAS LEGA, NASIONAL, BH -19	
9.	'TAK BOLEH CLAIM, TAK CUKUP KUOTA', HM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
10.	PAK KOB JUAL DURIAN RM4 SEKILOGRAM, DALAM NEGERI, UM -34	LAIN-LAIN
11.	UMT LEPASKAN DUA JUTA BENIH KETAM BAKAU, UDANG GALAH, PENDIDIKAN, BH -22	
12.	REZEKI RAJA BUAH, LOKAL, HM -25	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Selesaikan dahulu aspek asas, pengairan dan tanah elak masalah kemudian hari

Sediakah tanam padi lima kali?

Oleh MOHD. HAFIZ

ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamula.com.my

ARAU: Pelaksanaan penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun memerlukan persediaan rapi khususnya dalam aspek sistem pengairan yang kemas, penglibatan pesawah serta kajian berkaitan tanah supaya tidak menimbulkan masalah di kemudian hari.

Meskipun kaedah tersebut mampu meningkatkan produktiviti selain meningkatkan hasil beras negara sekali gus mengurangkan kebergantungan import beras, beberapa aspek asas itu perlu diselesaikan terlebih dahulu khususnya di kawasan Kedah dan negeri ini.

Sebagai rekod, Malaysia perlu membelanjakan RM1.8 bilion bagi mengimport kira-kira satu juta tan metrik beras setahun bagi memenuhi keperluan penduduk di negara ini.

Ketika ini, hasil beras negara adalah sekitar 1.6 juta tan metrik setahun memabitkan keluasan tanaman 700,000 hektar di se-



PESAWAH melihat hasil padi yang sudah boleh dituai di Kampung Bawah Bukit, Chuping, Perlis.

- UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

luruh negara.

Di Perlis direkodkan pada tahun 2021, hasil pengeluaran padi semusim sebanyak 154,975.325 tan metrik yang turut membantu menyumbang kira-kira 11 peratus kepada pengeluaran beras negara.

Bercakap kepada Utusan

Malaysia, Pengarah Dibuk Sdn.

Bhd., Ezreen Muhaizzi Marzuki berkata, jika ingin mengikut modul tanaman seperti di Sekinchan, Selangor iaitu penanaman lima kali dalam tempoh dua tahun dengan hasil yang banyak, memerlukan sistem seperti di kawasan itu khusus-

nya berkaitan infra perparitan.

Katanya, ketika ini, modul 'pilot projek' di Simpanan Empat di sini yang boleh dikatakan mempunyai infra perparitan hampir setara dengan Sekinchan, namun ia perlu dikemban dan diperluas di tempat lain dengan banyak perparitan

wajib dibaiaki dan ditambah baik. Katanya, ada beberapa perkara lagi selain perparitan jika ingin mendapatkan hasil seperti di Sekinchan antaranya infra berkaitan mesin dengan majoriti di kawasan berkenaan menggunakan jenteram dan tidak tabur terus secara konvensional.

"Jika menggunakan jenteram moden pula, tanah kena baiki dan soal tanah jerlus kena selesaikan terlebih dahulu. Secara logik, tanah perlukan rehat khususnya dalam soal mengeringkan air di bahagian bawah tanah, supaya tanah tidak jadi lembut untuk jentera berat masuk.

"Apabila ada ekstra satu musim di waktu tanah patut rehat, adakah tanah cukup stabil untuk menerima jentera berat?"

"Ia memerlukan kajian betul-betul, jangan nanti yang jerlus (tanah) makin jerlus, yang elok pun jerlus. Mesin padi pula boleh lihat saja tak berani nak masuk. Tak guna padi menunduk di sawah sahaja tapi tak mampu dijual ke kilang," katanya semalam.

PPZ-MAIWP anjur program pertanian bandar, hulur sumbangan

PETALING JAYA – Pusat Pu-
ngutan Zakat-Majlis Agama Is-
lam Wilayah Persekutuan (PPZ-
MAIWP) mengadakan Program
Pertanian Bandar dan Gotong-
Royong Muhibbah di Kebun Ke-
jiranan Bandar KRT Seri Perlis 2
dan Kebun Bandar Sungai Bunus,
di sini kelmarin.

Dalam satu kenyataan, PPZ-
MAIWP berkata, program itu
bertujuan membantu penduduk
Kejiranan Rukun Tetangga (KRT)
menambah baik kualiti hidup
melalui program pertanian dan
gotong-royong.

“Program itu juga untuk mem-
bina rangkaian sinergi bersama
MAIWP, Dewan Bandaraya Kuala
Lumpur (DBKL), Alam Flora,
University Poly-Tech Malaysia



ABDUL AZIZ (depan, tiga dari kiri) bergambar bersama penerima sumbangan serta penduduk setempat.

(UPTM) dan Jabatan Pertanian.
“Rangkaian ini untuk kita ber-
sama-sama menjadikan Kuala
Lumpur sebagai bandar lestari

melalui aktiviti penanaman anak
pokok yang akan dijaga dan dipeli-
hara oleh penduduk sekitar

“Ta sekali gus dapat membantu

meningkatkan ekonomi setempat
dan hasil daripada tanaman ini
akan dijual secara komersial pada
harga berpatutan,” katanya se-

malam.

Pada program itu, PPZ-MAIWP
turut menyerahkan sumbangan
kepada 100 asnaf terdiri dari-
pada tukang kebun dan pekerja
sektor kebersihan Jabatan Pe-
rumahan DBKL dan Alam Flora
serta kelengkapan pertanian dan
gotong-royong dengan jumlah
keseluruhan sebanyak RM44,033.

Penyampaian sumbangan
tersebut telah disempurnakan
oleh Pengerusi PPZ-MAIWP, Tan
Sri Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman.

Pada program sama turut
menyaksikan sebanyak 10 svari-
kat sub-kontraktor dan syarikat
pembekal pokok dan baja menu-
naikan zakat perniagaan sebagai
galakan untuk mula memunaikan
kewajipan rukun Islam ketiga.

Benih anak ikan jamin bekalan makanan laut cukup

LUMUT – Jabatan Perikanan Perak melepaskan 5,000 ekor benih ikan siakap di perairan umum Sungai Dinding di Kampung Baharu Lumut baru-baru ini.

Pelepasan benih ikan siakap tersebut disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Astaka, Jason Ng Thien Yeong, Pegawai Daerah Manjung, Shamsul Ridzuan Idris dan Pengarah Perikanan Perak, Mohd. Ghazali A. Manaf.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung, Syamsul Hazeman Md. Salleh berkata, pelepasan benih ikan siakap itu merupakan simbolik kepada aspek kebebasan dan kemerdekaan.

“Objektif pelepasan benih

ikan ke perairan umum dilakukan bagi meningkatkan pendapatan komuniti nelayan darat selain menjamin bekalan makanan laut mencukupi.

“Ia juga menjadi tarikan baru pelancongan kepada golongan kaki pancing untuk mengunjungi kawasan Kampung Baharu Lumut dan kampung-kampung lain yang terdapat di sepanjang jajaran sungai ini,” katanya.

Murid-murid dari sekolah di sekitar kawasan tersebut turut sama melepaskan benih ikan siakap ke Sungai Dinding tersebut.

Pada masa sama, beliau berkata, Kampung Baharu Lumut juga menjadi lokasi Sambutan Program Semarak Kemerdekaan Komuniti Kampung Baharu Lumut.



SEBANYAK 5,000 benih ikan siakap ke Sungai Dinding berhampiran Kampung Baharu Lumut baru-baru ini.

Bot tunda langgar syarat lesen ditahan

Turut dikesan guna kru warga Myanmar tiada dokumen perjalanan sah

Oleh **NOOR AJNON
MOHAMED YUSOF**
LUMUT

Jabatan Perikanan Perak menahan sebuah bot tunda kelas B1 yang melanggar syarat dengan melakukan aktiviti perikanan pada jarak 2.4 batu nautika dari Pulau Buluh, Kepulauan Sembilan, Pulau Pangkor di sini pada Sabtu.

Ketua Pangkalan Program Pemantauan, Pengawalan dan Pengawasan (MCS), Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Kampung Acheh, Mohd Sharifuddin Abdul Manan berkata, bot itu dikesan menjalankan aktiviti menunda oleh pasukan anggota MCS yang menjalankan rondaan sekitar jam 12.30 tengah hari.

Menurut beliau, lima kru warga Myanmar berusia 40 hingga 60 tahun turut ditahan kerana tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah.

"Hasil pemeriksaan mendapati vesel berkenaan mengangkut ikan dengan meng-

FOTO: HSIAN, JABATAN PERIKANAN PERAK



Pegawai Jabatan Perikanan yang menjalankan rondaan menahan sebuah bot pukat tunda di Kepulauan Sembilan, Pulau Pangkor pada Sabtu.

gunakan pukat tunda kurang dari lapan batu nautika, saiz mata kurang di bahagian keroncong kurang daripada 38 milimeter dan menggunakan alat radio komunikasi tanpa kebenaran.

"Selain itu, bot berkenaan tidak diusahakan sendiri sebaliknya menggunakan kru asing tanpa kebenaran, tidak mengaktifkan alat Sistem Pengesanan Automatik (AIS) di laut dan kod zon rumah kemudi tidak mengikut spesifikasi," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Ahad.

Mohd Sharifuddin berkata, kesemua peralatan termasuk bot bernilai RM500,000 disita dan

dibawa ke Pangkalan Konservasi dan Perlindungan Perikanan, Kampung Acheh di sini untuk siasatan.

"Aktiviti menunda kurang daripada batu nautika bukan sahaja mengakibatkan anak-anak ikan dan hidupan lain terperangkap dipukat, ia juga merosakkan habitat semula jadi pembiasaan ikan itu sendiri.

"Jabatan Perikanan Malaysia memandangkan serius akan isu dan kesalahannya yang melibatkan pelanggaran Akta Perikanan 1985 dan akan terus mempergiatkan aktiviti rondaan bagi memastikan sumber perikanan negara terjaga dan terpelihara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Bot nelayan dikendali warga asing ditahan

LUMUT. Sebuah bot pukat tunda tempatan ditahan selepas didapati menangkap ikan di zon larangan berhampiran Kepulauan Sembilan, dekat sini tengah hari kelmarin.

Bot tersebut turut melakukan enam kesalahan lain ketika ditahan kapal peronda pada kedudukan 2.4 batu nautika dari Pulau Buluh, Kepulauan Sembilan, 12.30 tengah hari.

Ketua Pangkalan Unit Pemantauan, Kawalan dan Pengawasan (MCS), Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Kampung Acheh, Mohd. Sharifuddin Abdul Manan berkata, hasil pemeriksaan mendapati bot itu melanggar syarat lesen di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985.

"Selain menangkap ikan menggunakan peralatan pukat tunda kurang lapan batu nautika dari pantai seperti syarat lesen, didapati juga menggaji lima warga Myanmar berusia antara 40 hingga 60 tahun yang tidak memiliki dokumen perjalanan sah.

"Terdapat hasil tangkapan ikan pelbagai jenis anggaran berat 200 kilogram dengan nilai RM6,000," katanya.

Katanya, kesalahan lain dilakukan termasuk saiz mata pukat di bahagian keroncong kurang 38 milimeter dan menggunakan alat radio komunikasi tanpa kebenaran bertulis Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Jelasnya, bot itu tidak mengaktifkan Sistem Pengesanan Automatik (AIS) manakala kod zon rumah kemudi tidak mengikut spesifikasi dibenarkan.

Beliau berkata, kesemua peralatan bernilai kira-kira RM500,000 disita dan dibawa ke Pangkalan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Kampung Acheh.

"Aktiviti menangkap ikan menggunakan pukat tunda kurang dari lapan batu nautika turut merosakkan habitat semula jadi pembiakan ikan itu sendiri," katanya.

Pak Kob jual durian RM4 sekilogram

SEORANG pesara tentera menjual durian pada harga RM4 sekilogram bagi memberi peluang kepada orang ramai menikmati keenakan raja buah itu pada harga murah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Mohd. Yaakub Zainal, 62, atau Pak Kob berkata, lebih 100 kilogram raja buah yang dipungut selepas subuh laris dijual dalam tempoh dua jam.

Menurutnya, permintaan terhadap durian bertambah pada hujung minggu.

"Durian ini hasil dari kebun peringgalan arwah ayah, jadi dapatlah saya jual harga ladang. Bagaimanapun saya ada menjual RM50 selonggok mengikut saiz.

"Pada masa sama, saya memberi ruang kepada pembeli terlebih untuk menikmati buah durian secara percuma sebelum membelinya," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Jeram Linang, Pasir Puteh, Kelantan semalam.

■ MOHD. Yaakub Zainal menjual durian di tepi jalan masuk ke Hutan Lipur Jeram Linang, Pasir Puteh, Kelantan. - UTUSAN/TOREK SULONG



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Hotel ternakan robotik pertama Asia sedia ke IPO

KUALA LUMPUR: Syarikat Biovet Holding Berhad melalui anak syarikatnya Biovet International Sdn. Bhd., pemenang SUPERB TERAJU mencipta sejarah sebagai syarikat pertama bagi industri ternakan dengan membuka peluang kepada orang ramai untuk mula menternak dengan sistem perkongsian fasiliti ternakan moden robotik pertama Asia.

Pengarah urusan Biovet Holding Berhad, Syed Naufal Putra Syed Ja'afar berkata, syarikat dengan kepakaran industri veterinar melebihi 15 tahun serta mendapat sokongan pembiayaan Agrobank itu komited untuk membangun *Massive Modern Food Shelter* melibatkan penyertaan pelbagai latar belakang individu bagi membantu melonjakkan stok penyimpanan sumber bekalan ternakan negara bagi menjadikan yang tertinggi di Asean.

Hasil audit penyata akaun syarikat bagi tahun 2022 dengan pendapatan kasar melebihi RM3 juta, membuktikan permintaan terhadap perkhidmatan penjagaan ternakan bagi penghasilan daging kini mengatasi penawaran.

Projek inovasi robotik industri veterinar Malaysia itu juga telah menarik minat dan menerima penyertaan dari warganegara lain seperti Singapura, Indonesia, Belanda, UAE serta Yaman yang menjadikan syarikat ini yang pertama dengan penyertaan antarabangsa mengguna pakai sistem penternakan robotik dalam penawaran perkhidmatan penjagaan ternakan di negara ini.

Biovet Holding Berhad kini memberi gambaran bahawa industri ternakan negara kini dapat dilonjakkan dengan revolusi dan aplikasi teknologi industri IR 4.0.

Autonomous Robosheep-1™ atau ARS-1 yang diberi nama ini bakal menggantikan fungsi tugasan manusia untuk memberi makanan kepada ternakan, melakukan proses sanitasi ladang secara efektif berjadual serta mampu melakukan pengambilan bacaan suhu ternakan bagi memudahkan jejak suhu semasa di ladang ternakan tanpa perlu sentuhan kepada haiwan ternakan.

Ini akan meningkatkan tahap Biosecuriti Ladang ke tahap lebih tinggi serta membuktikan bahawa kebajikan haiwan di Malaysia lebih dititikberatkan dalam menghasilkan bekalan makanan buat negara.

Hotel Veterinar Biovet kini menjadi tumpuan pelbagai pemain industri dan agensi bagi memenuhi keperluan uji kaji lapangan serta menjadi tarikan buat masyarakat yang ingin menternak di fasiliti yang

disediakan oleh syarikat. Kini lebih ramai yang mampu meningkatkan pendapatan secara pasif melalui aktiviti menternak dengan mengguna pakai perkhidmatan perkongsian fasiliti ternakan robotik tanpa perlu meninggalkan kerjaya mereka sedia ada dan sekali gus membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi serta kadar pengeluaran ternakan dan menjamin keselamatan sumber makanan buat negara serantau.

Bagi memudahkan urusan masyarakat untuk menternak di sini atau mana-mana syarikat yang berminat untuk bekerjasama meningkatkan pengeluaran ternakan hidup negara, boleh menghubungi pihak pengurusan secara whatsapp di talian 011 2627 5792 atau email mybiovet@gmail.com.



Pesawah Kada bakal dapat manfaat SSHP

Kota Bharu: Lebih 7,000 pesawah di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) akan menikmati Skim Subsidi Harga Padi (SSH) dalam masa terdekat.

Pengerusinya, Mohamad Husain berkata, semua pesawah di bawah Kada akan menerima bayaran dengan jumlah purata lebih RM3.5 juta.

Katanya, SSHP akan meringankan beban pesawah berikutan mereka akan menikmati kenaikan dari RM360 kepada RM500 bagi setiap tan.

"Purata keluaran padi yang diperolehi oleh pesawah di bawah Kada adalah sebanyak 4.5 tan bagi per hektar pada tahun lalu.

"Justeru, kesemua petani ini akan menikmati SSHP lebih RM3.5 juta. Bayaran akan masuk terus ke baki bank pesawah yang berdaftar di bawah Kada secara berperingkat. Dengan adanya bantuan ini ia membolehkan pesawah menarik nafas lega," katanya ketika ditemui selepas

Pra Sambutan Kemerdekaan Peringkat Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu di pekarangan parkir Pejabat Besar di Ibu Pejabat Kada di sini, semalam.

Hadir sama, Pengurus Besar Kada, Mohd Faizul Mustafa dan Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan) Kada, Mohd Razif Abdullah.

Sebelum ini, media melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan kadar SSHP daripada RM360 kepada RM500 bagi setiap tan berkuat kuasa 9 Ogos lalu.

Pada perkembangan sama, Mohamad berkata, pesawah Kada menggunakan enam jenis benih padi yang mampu memberi hasil tanaman baik kepada petani.

Beliau berkata, antara varieti benih itu ialah MR220 CL2 dan MR303 yang digunakan sejak beberapa tahun lalu dan menghasilkan tanaman yang bertahan daripada penyakit serta serangga perosak.

Skim Subsidi Harga Padi

Lebih 7,000 pesawah KADA tarik nafas lega

Peruntukan lebih RM3.5 juta akan dibayar dalam masa terdekat

Oleh Hidayatidayu Razali
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Lebih 7,000 pesawah di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) akan menikmati Skim Subsidi Harga Padi (SSHPP) dalam masa terdekat.

Pengerusinya, Mohammad Husain, berkata semua pesawah di bawah KADA akan menerima bayaran berkenaan dengan jumlah peruntukan lebih RM3.5 juta.

Katanya, SSHPP meringankan beban pesawah berikutan mereka akan menikmati kenaikan da-

ri RM360 kepada RM500 bagi setiap tan.

“Purata keluaran padi diperoleh pesawah di bawah KADA adalah sebanyak 4.5 tan bagi setiap hektar pada tahun lalu.

“Justeru, semua petani ini akan menikmati SSHPP lebih RM3.5 juta. Bayaran ini akan masuk terus ke akaun bank pesawah yang berdaftar di bawah KADA secara berperingkat. Dengan adanya bantuan ini ia membolehkan pesawah menarik nafas lega,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Pra Sambutan Kemerdekaan Peringkat Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu di ibu pejabat KADA di sini, semalam.

Kadar SSHPP naik RM500

Sebelum ini, media melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan kadar SSHPP daripada



Mohammad memasang Jalur Gemilang pada majlis Pra Sambutan Kemerdekaan Peringkat KADA, semalam. (Foto Hidayatidayu Razali/BH)

RM360 kepada RM500 bagi setiap tan berkuat kuasa 9 Ogos lalu.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Bahagian Pembangunan Industri Padi (BPIP) berkata, pemantauan dan penguatkuasaan dibuat terhadap pemeriksaan

alat timbangan di kilang dan pusat belian padi mengikut Akta Timbang dan Sukat 1972 melalui kolaborasi strategik KPBB bersama Bahagian Penguat kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/8/2023	HARIAN METRO	ONLINE	

'Tak boleh claim, tak cukup kuota'



JETI Nelayan Sampan Kampung Nail, Jertih yang menempatkan bot milik nelayan. FOTO NAZDY HARUN

Jertih: Sudahlah pulang bawa 'tangan kosong', elaun sara hidup dan diesel subsidi juga tidak diperoleh menyebabkan golongan nelayan pantai khas terutama di Kampung Nail di sini, ibarat kais

pagi makan kais petang makan petang.

Pengerusi MyKomuniti Perikanan Sampan Kampung Nail, Mohd Nor Zaidi Mustafa, 42, berkata, bagi melayakkan nelayan memperoleh elaun sara diri dan diesel bersubsidi mereka perlu menyerahkan bil penjualan hasil kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) setiap hari.

Bagaimanapun, katanya, kebelakangan ini hasil tangkapan agak berkurangan menyebabkan mereka tidak dapat menjualnya.

"Kalau pergi ke laut pun hasil tidak seberapa atau pulang tangan kosong, macam mana kami nak buat bil jualan.

"Jadi, agak sukar untuk kami melengkapkan kuota bilangan 120 bil pada hari bekerja setiap tahun bagi melayakkan kami memperoleh diesel subsidi," katanya ketika ditemui Harian Metro.

Selain kekangan berkenaan, Mohd Nor Zaidi berkata, mereka berdepan kenaikan harga barangan untuk kegunaan kerja di laut termasuk harga pukot yang naik mendadak.

"Awal tahun lalu, harga seutas pukot antara RM70 hingga RM80, namun kini mencecah RM120 dan biasanya kami guna 10 utas pada satu-satu masa.

"Keadaan itu yang agak membebankan kami, pernah juga saya memecahkan tabung untuk membeli diesel bagi membolehkan saya ke laut.



"Bagi nelayan yang tidak tahan dengan situasi ini, mereka sudah meninggalkan kerja sebagai nelayan pantai dan beralih melakukan kerja lain," katanya.

Nor Zaidi berkata, sekiranya alat-alat untuk ke laut seperti pukot, bubu dan sebagainya dapat dikawal ia dapat meringankan beban mereka.

Seorang nelayan, Wan Jusuh Ayob, 61, berkata, dia tidak memperoleh elaun sara hidup dan subsidi diesel seperti digembar-gemburkan.

"Nak tak nak, saya kena hadap kerana faktor usia seperti saya sudah tidak sesuai melakukan kerja lain.

"Kalau pergi ke laut, dapat hasil satu dua ikan dan adakalanya pulang tangan kosong, macam mana hendak buat bil jualan.

"Namun, dapat hasil atau tidak saya terpaksa juga ke laut, tetapi apabila bil jualan tidak diserahkan kepada pihak berkuasa, kami tidak dapat diesel subsidi," katanya.

Katanya, dia menggunakan diesel berjumlah RM40 setiap hari untuk pergi dan balik dari laut dan sekiranya tiada tangkapan atau hasilnya sedikit dia terpaksa mencari wang tambahan lain untuk membeli minyak keesokan harinya.

Menurutnya, dia berharap ada resolusi lain yang dapat membela nasib mereka kerana sejak beberapa tahun kebelakangan ini hasil tangkapan nelayan di kawasan ini semakin berkurangan.

UMT lepaskan dua juta benih ketam bakau, udang galah

AKUATROP lakukan kajian sumber akuatik, tingkat keperluan jaminan makanan

Oleh Rozita Alias

bhpendidikan@bhq.com.my

Kuala Terengganu: Selari dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan kebergantungan kepada bahan makanan import, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) giat menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan ilmu kelautan dan sumber akuatik.

UMT menerusi Institut Akua-kultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP) menyasarkan kajian itu bagi meningkatkan keperluan jaminan maklumat.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar, berkata di bawah program penyelidikan 'Kelestarian Sumber', sebanyak dua juta benih ketam bakau dan udang galah dilepaskan di sungai-sungai utama di Terengganu.

"Pelepasan itu bertujuan me-



Timbalan Naib Canselor, Prof Dr Marianah Mohd Ariffin melepaskan benih ketam bakau di kawasan paya bakau, Kuala Terengganu.

ningkatkan sumber populasi semula jadi udang galah di kawasan berkenaan. Langkah ini dijangka dapat memberi pulangan ekonomi kepada komuniti.

"Selain itu, 300,000 benih anak ketam turut dilepaskan di kawasan hutan bakau di Sungai Pulaui, Johor dan Tanah Bencah Setiu, Terengganu," katanya.

Hasil benih berkualiti


Pada masa sama, AKUATROP turut memulakan inisiatif penubuhan pusat pembangunan induk atau Broodstock Multiplication Centre (BMC) yang selari dengan misi keterjaminan makanan ne-

gara.

hasilan benih yang berkualiti. Katanya, AKUATROP turut memberi tumpuan kepada spesies udang bebas dan tahan terhadap penyakit serta mempunyai potensi besar dalam akuakultur.

Selain ia turut merangkumi teknologi pengurusan penternakan, permintaan dan nilai pasaran tinggi dan paling utama mampu meningkatkan sosioekonomi petani serta masyarakat pesisir.

Pada masa sama, AKUATROP turut memulakan inisiatif penubuhan pusat pembangunan induk atau Broodstock Multiplication Centre (BMC) yang selari dengan misi keterjaminan makanan ne-



REZEKI RAJA BUAH

PELAKSANA, Matjeff bin Ali, 39, memelihara buah durian, sebagai sumber pendapatan, di kampung Sungai Sena, Marang. Sejak dua minggu lalu, Matjeff sudah memungut durian masak, memindah dari petak ke petak buah yang sudah disediakan. Kemudian, dia akan mengemas durian itu, kedua beratus, setiap pagi dia akan memulutkannya ke-ke-bila setiap jam bermula dari 7 pagi untuk mengedap durian luruh dari petak, pakat di dalam yang berdekah di puncak bukit dalam ketinggian 350 meter dari paras laut. Beliau menjual durian sebanyak 1000 untuk lima hingga enam biji mengikat satu.



Matjeff menggunakan tali mengikat durian ke dalam buket. (atas)

Matjeff memulut durian masak yang sudah disediakan di kampung Sungai Sena, Marang. (bawah)

Matjeff memulut durian masak yang sudah disediakan di kampung Sungai Sena, Marang. Beliau menjual durian sebanyak 1000 untuk lima hingga enam biji mengikat satu.